

**CITRA DAN CABARAN PERIBAHASA MELAYU DALAM  
MELESTARIKAN ETOS DAN PERADABAN BANGSA**  
(IMAGES AND CHALLENGES OF MALAY PROVERBS IN PRESERVING THE  
NATION'S ETHOS AND CIVILIZATION)

AZARUDIN BIN AWANG<sup>1\*</sup>, CHE ZUINA BINTI ISMAIL<sup>2</sup>, RUBIAH ABU BAKAR<sup>2</sup>

<sup>1</sup>ACIS UiTM Caw. Terengganu, Kampus Dungun, 23000, Dungun, Terengganu

<sup>2</sup>ACIS, UiTM Caw. Terengganu, Kampus Kuala Terengganu, 21080 Chendering, K. Terengganu.

azaru154@uitm.edu.my

*ABSTRAK*

Peribahasa merupakan ekspresi masyarakat Melayu lama terhadap fenomena kehidupan yang berlaku di sekelilingnya pada masa dahulu. Realitinya budaya yang diwarisi sekian lama ini hanya kerap kali digunakan dalam majlis-majlis perasmian dan perkahwinan serta disampaikan dalam bentuk dendangan lagu. Kurangnya menghayati peribahasa Melayu dalam kalangan golongan muda di Malaysia khususnya kerana mereka tidak begitu melihat fungsi peribahasa dalam kehidupan semasa. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan citra peribahasa dalam membangunkan etos dan peradaban bangsa Melayu. Selanjutnya melihat cabaran pada masa kini yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam memartabatkan peribahasa dalam rutin kehidupan. Penyelidik melakukan kajian dokumentasi iaitu kajian ke atas teks, tulisan, jurnal dan makalah yang lepas khususnya dari aspek peranan bagi mendapat maklumat berkaitan. Hasil kajian menunjukkan peribahasa mempunyai peranan yang tersendiri dalam memacu pembangunan etos dan peradaban bangsa Melayu sejak zaman-berzaman. Antara peranannya adalah sebagai medium menyampaikan pengajaran, teguran secara berhikmah, memperteguhkan adat Melayu berpaksikan kepada syarak, memotivasikan diri dan merangsang ke arah permuafakatan hidup. Tegasnya kajian ini penting, kerana ia mampu memberi maklumat awal tentang peri penting pembelajaran peribahasa khususnya kepada generasi muda agar warisan ini tidak akan lenyap ditelan zaman.

*Kata Kunci:* Citra, Cabaran, Peribahasa, Melayu, Etos dan Peradaban.

*ABSTRACT*

*A proverb is an expression of the Malay in the old community to tell the phenomena of life. Proverbs are often used in inauguration ceremonies and weddings. Most of the time, proverbs are presented in the form of Malay songs. However, there is a lack of appreciation in the Malay proverbs particularly among young people because they cannot understand the function of proverbs in their contemporary lives. Thus, the objective of this study was to describe the image of proverbs in developing the ethos in the Malay Culture. Then, this study investigated the current challenges faced by the Malay community in upholding the proverb in their lives. In order to obtain relevant information, researchers conducted a documentation study that was related to the past writings, journals and papers, especially from the aspect of the role of Malay proverbs. The results showed that the proverb had a unique role in driving the development of ethics and culture of the Malays particularly as a medium for instruction and wisdom. Proverbs strengthen Malay custom, Islamic law. They motivate and inspire people towards life.*

*Keywords:* Image, Challenges, Proverbs, Malay, Ethos and Civilization.

## 1. Pendahuluan

Bangsa Melayu sememangnya kaya dengan adat resam dan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun. Budaya yang halus ini bukan sahaja diterjemahkan dalam bentuk kraftangan yang bersifat material, malah juga dalam bentuk bukan kebendaan seperti puisi, bahasa kiasan, pantun sajak dan sebagainya. Adat resam dan budaya ini berperanan merapatkan lagi hubungan melalui pelbagai aktiviti bersama seperti gotong royong, kenduri kendara, meraikan sesuatu majlis dan sebagainya. Ekspresi fenomena dan nilai budaya ini juga diserlahkan dalam bentuk bahasa yang lebih khusus iaitu peribahasa. Mohd Ridzuan Md. Nasir (2017) menjelaskan bahawa peribahasa merupakan salah satu bentuk cabang sastera lama yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Namun, penghayatan masyarakat Melayu terhadap peribahasa khususnya generasi muda kurang memuaskan (Nor Hashimah & Junaini, 2010). Perihal ini dikaitkan dengan faktor yang pelbagai, antaranya faktor psikologi, persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi (Tang et al., 2021). Kebanyakan golongan muda hari ini melihat penggunaan peribahasa adalah dalam upacara formal sahaja dan lebih malang lagi ada yang melihat peribahasa hanya digunakan oleh golongan tua sahaja (Mohamad Azmi Nias Ahmad et al., 2015).

Pembelajaran dan penghayatan peribahasa menunjukkan adanya rasa kecintaan terhadap bahasa dan sikap, pemikiran dan perilaku warisan bangsa yang jelasnya dapat diidentifikasi melalui penggunaan peribahasa dalam bahasa. Namun, Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar (2016) menyatakan bahawa ketidakmampuan memahami dan melakukan interpretasi terhadap sesuatu peribahasa disebabkan kurang pemahaman makna leksikal, tidak mempunyai maklumat latar belakang ciri yang diguna dalam suatu item dan kegagalan mengaplikasikan maklumat latar belakang kepada maklumat baharu yang diterima. Penelitian terhadap aspek peribahasa Melayu yang mencerminkan budi bahasa akan melibatkan unsur-unsur kesantunan yang bertunjangkan juga kepada nilai-nilai agama Islam. Apakah sebenarnya kepentingan pembelajaran dan penghayatan peribahasa khususnya kepada etos dan peradaban bangsa. Apakah cabaran yang dihadapi oleh generasi muda sekarang untuk melestarikan pembelajaran dan penghayatan peribahasa dalam kehidupan harian. Berdasarkan pernyataan di atas, penulisan ini adalah bertujuan membincangkan warisan budaya pemikiran masyarakat Melayu iaitu peranan peribahasa dalam melestarikan etos dan peradaban bangsa tersebut.

## 2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur menjelaskan tentang konsep peribahasa dan peranan peribahasa dalam melestarikan etos dan peradaban bangsa Melayu di Malaysia.

### 2.1 Konsep Peribahasa

Peribahasa merupakan sesuatu yang berkait rapat dengan kehidupan dan pemikiran sesuatu bangsa. Berdasarkan *Kamus Dewan* (2015), maksud peribahasa adalah pepatah, bidalan, ayat atau kelompok kata yang susunannya tetap dan mengandungi mesej yang tertentu. Secara umumnya peribahasa terdiri daripada aturan kata yang kemas, penggunaan bahasa yang indah dan berirama serta mempunyai isi dan kandungan yang beraneka. Za'aba dalam Norleyza Jailani, Cindy Tan Shing Ning, Rodziah Latih, Amirah Ismail, Zurina Muda, Marini Abu Bakar, Azmin Sham Rambely, Maslida Yusof dan Norhayati Md Yatim (2020) menjelaskan bahawa peribahasa merupakan segala susunan kata-kata pendek yang telah menjadi bualan di mulut

orang ramai sejak sekian lama. Oleh kerana ungunya penuh dengan hikmah, sedap didengar, luas dan benar tujuannya, akhirnya peribahasa dipakai dan digunakan sebagai sebutan untuk melakukan perbandingan, memberi teladan dan pengajaran kepada manusia.

Asal usul peribahasa Melayu ini tidak dapat diketahui secara terperinci kerana tiada dokumen rasmi yang menerangkan mengenai pengasas atau pengarang awal peribahasa. Namun, peribahasa Melayu ini berkembang berdasarkan kepada pengalaman dan pemahaman bangsa tersebut terhadap sifat dan perilaku manusia yang dihubungkan dengan sifat makhluk dan perilaku yang merangkumi simbol alam, sifat alam dan perilaku manusia terhadap alam. Melalui kajian terhadap peribahasa, identiti dan kehidupan masyarakat Melayu dapat difahami dan dilihat dengan lebih mendalam. Tidak menghairankan penjajah Inggeris melalui pentadbirnya seperti F. Swettenham, Stamford Raffles, Hugh Clifford dan W.G. Maxwell cuba memahami budaya dan cara berfikir masyarakat Melayu dengan pelbagai cara bagi memudahkan mereka menguasai pemikiran bangsa tersebut. Melalui kajian kesusasteraan Melayu dan peribahasa, penjajah dapat memahami cara berfikir orang Melayu dengan baik.

Ding (2009) menjelaskan bahawa populariti peribahasa disebabkan nilai akal, budi dan kebijaksanaan orang Melayu itu kaya bahasa yang indah yang menjadikannya sentiasa kukuh, tidak luntur dan ketinggalan zaman, walaupun ada beberapa peribahasa Melayu dipersoalkan nilainya. Oleh kerana sifat peribahasa Melayu amat berkait rapat dengan nilai-nilai keislaman dan orang Melayu sehati dengan agama tersebut, sekaligus memperlihatkan sifat peribahasa Melayu juga kukuh menyatu dengan nilai keislaman. Ini menjadikan peribahasa Melayu mempunyai nilai yang tersendiri yang tidak dimiliki dalam bahasa lain, malahan agar sukar diterjemahkan dan difahami. Justeru, pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan digunakan untuk mengkaji dan menilai peribahasa Melayu (Norleyza et al., 2020). Berpandukan pemikiran dan imaginasi yang tinggi, peribahasa Melayu berkembang menjadi satu genre sastera Melayu yang sangat popular dan istimewa. Peribahasa Melayu memberi gambaran nilai sosial, nilai moral serta fungsi adat dalam kehidupan bermasyarakat. Seperti prosa yang tumbuh dan kembang meluas di dalam bahasa Melayu, peribahasa Melayu dihasilkan melalui penelitian kepada keindahan alam semula jadi serta amalan kehidupan seharian masyarakat dahulu.

Sememangnya peribahasa Melayu mencerminkan unsur kebudayaan dan pengalaman silam masyarakat Melayu. Peribahasa Melayu dibentuk dengan keistimewaan sifat-sifat persamaan bunyi, struktur, nahu bahasa dan penggunaan metafora. Justeru, Cheu (1963) menyatakan terjemahan peribahasa Melayu ke dalam bahasa lain sangatlah susah untuk diterjemah ke dalam bentuk yang selari atau sama dalam bahasa lain. Justeru, penghasilan peribahasa seperti "*bahasa jiwa bangsa*" jelas menerangkan mengenai hubungan antara bahasa dan agama (akhlak) dalam mengidentifikasi pemikiran dan perilaku sesuatu bangsa. Selain itu, peribahasa Melayu turut memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan perpaduan di dalam sesebuah negara. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, peribahasa seperti "*muafakat membawa berkat*" jelas menerangkan mengenai perkara yang mendapat persetujuan bersama akan mendatangkan sesuatu kebaikan kepada semua lapisan masyarakat seterusnya meningkatkan peradaban manusia. Justeru, peribahasa Melayu menjadi cerminan bangsa dan budaya yang berperanan penting dalam pembangunan ilmu dan kenegaraan. (Noor Syafiqah & Suhaila, 2018). Berkait dengan ini Marianne et al. (2021) melihat peribahasa sebagai unsur penting dalam mengungkap ilmu, falsafah, pemikiran dan dilihat sebagai kreativiti insan dalam mengungkap pelbagai fenomena yang berlaku dalam kehidupan. Peribahasa merupakan paparan tingkah laku dan jiwa pelakunya, sekali gus menggambarkan akal budi pelakunya.

Oleh itu, memahami peribahasa bukan hanya memahami urutan perkataan yang memberi pelbagai makna, bahkan lebih luas daripada itu. Pendek kata, peribahasa memerlukan 'mata hati' bagi mentafsirnya bagi memahami makna sebenar yang hendak disampaikan. Ini jugalah yang dijelaskan oleh Ahmad Fuad (2016) bahawa peribahasa yang telah diungkapkan oleh masyarakat Melayu lama merungkai pelbagai isu dan persoalan yang menjadi tunjang tindakan manusia dalam kehidupan sosialnya. Peribahasa menonjolkan akal budi komuniti Melayu lama yang begitu kuat diikat dengan adat istiadat, struktur kehidupan sosial, nilai dan sikap, serta falsafah hidup dan lapangan kehidupan yang dialami.

## 2. 2 Peribahasa Melayu dalam Citra Melestarikan Etos dan Peradaban Bangsa

Perkataan 'etos' diambil daripada kata Greek iaitu 'Ethos' dan 'Ethicos', yang merujuk kepada watak, sifat, kelaziman, kebiasaan, budaya atau cara hidup. Manakala 'Ethicos' merujuk kepada etika, adab kelakuan, tatasusila dan perbuatan yang baik (Siti Kausar & Mohd Noor 2020; Mohd Mahadee Ismail et al., 2021). Etos atau etika merupakan kemampuan seseorang membezakan perkara betul dan salah berasaskan kepada pertimbangan pemikiran akalnya dan akhirnya melahirkan sistem tingkah laku. Segala himpunan nilai dan moral ini menjadi indikator dalam membentuk tingkah laku sama ada individu, organisasi atau dalam kerjaya (Mohd Mahadee et al., 2021). Dari sudut Islam, akhlak memiliki sudut atau nilai pandang yang lebih tinggi keadaannya berbanding definisi etos, etika atau moral yang dilihat agak bebas dalam mengukur sesuatu. Imam al-Ghazali (2014) memberi definisi yang lebih tuntas terhadap akhlak iaitu segala perilaku yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah yang dimanifestasikan dalam bentuk perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang. Justeru, akhlak merupakan satu nilai yang menjadi tabiat tanpa berfikir panjang dan berlaku secara spontan. Istilah etos dan peradaban mempunyai perkaitan yang rapat. Perkataan peradaban berasal dari kata 'adab' bermaksud akhlak, tingkah laku, tabiat dan etika sama baik ataupun buruk (*Kamus Dewan*, 2015). Justeru, Siti Kausar dan Mohd Noor (2020) menjelaskan bahawa peradaban membincangkan secara khusus perihal yang menyentuh nilai, etos dan adab yang tinggi yang dipraktikkan oleh sesebuah komuniti sehingga ia mampu melestarikan peradaban bangsanya sendiri.

Tradisi masyarakat Melayu menjadikan adat, adab dan akhlak sebagai instrumen pendidikan yang berjalan dengan serentak. Adat merupakan satu nilai yang baik yang sentiasa dipupuk dan diamalkan dalam masyarakat, manakala adab merupakan peraturan tentang 'nilai' yang lazim dilihat baik dari segi agama dan juga dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat. Siti Kausar dan Mohd Noor (2020) menyatakan bahawa pendidikan tentang adab mula dipupuk di rumah, selanjutnya di sekolah dan seterusnya pengaruh daripada masyarakat di sekitar. Justeru, segala perilaku yang beradab merupakan etos (etika) yang dipuji manakala perlakuan yang sebaliknya dianggap etika yang terkeji.

Apabila memahami struktur etos dan peradaban masyarakat Melayu, sewajarnya sejarah tentang masa lalunya perlu dirungkai. Etos dan peradaban Melayu banyak sekali ditonjolkan dalam berbahasa khususnya penggunaan peribahasa. Peribahasa Melayu adalah warisan budaya yang berkaitan dengan rutin kehidupan seharian yang melibatkan hubungan antara keluarga, masyarakat, budaya, kepercayaan dan lain-lain di sekitar kehidupan semula jadi (Nik Radhiah & Kamarul Shukri, 2020). Terdapat hubungan yang amat kuat dan akrab antara bahasa yang dituturkan dengan pemikiran bangsa Melayu pada zaman silam dalam peribahasa Melayu. Peribahasa Melayu mempunyai peranan yang besar dalam membangunkan etos dan peradaban bangsa Melayu pada masa lalu.

### **3. Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dengan merujuk kepada buku, artikel dan jurnal yang menyentuh peribahasa Melayu. Namun data peribahasa secara khusus diteliti daripada buku “*Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*” yang mengandungi sebanyak 5,737 peribahasa Melayu. Justifikasi buku ini menjadi rujukan kerana ia diiktiraf sebagai sebuah buku yang menghimpunkan peribahasa Melayu yang paling lengkap. Selain memberi definisi dan beberapa contoh bagi memudahkan kefahaman, peribahasa di dalam buku ini juga menghubungkan nilai Islam, motivasi diri dan falsafah yang tertentu (Zaitul & Ahmad Fuad 2011). Data kualitatif yang diperolehi dianalisis berdasarkan tema-tema yang dikehendaki yang menyentuh enam aspek iaitu pendidikan secara umum, memberi teguran, menyampaikan kebenaran, motivasi diri, galakan hidup bermuafakat dan manifestasikan rasa cinta (Salinah, Huraizah & Rohaidah, 2018; Siti Kausar & Mohd Noor 2020; Norleyza et al., 2020). Ahmad Fuad (2016) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia. Dalam kata lain, persepsi atau fikiran dan perilaku seseorang itu bergantung kepada struktur dan kosa kata dalam penggunaan bahasa penutur untuk berfikir dan menanggapi sesuatu. Justeru, peribahasa turut memainkan peranan dalam mempengaruhi etos penuturnya dalam erti kata struktur sesuatu bahasa yang digunakan menggambarkan cara penutur melihat dunianya dan bagaimana sesuatu peradaban itu mempunyai hubungan dengan bahasa.

### **4. Hasil Kajian dan Perbincangan**

Peribahasa juga masih dianggap relevan pada masa kini walaupun bangsa Melayu merentasi beberapa zaman dan melangkaui era globalisasi. Citra peribahasa Melayu dalam membangunkan etos dan peradaban bangsa tersebut adalah sebagaimana berikut:

#### **4.1 Medium Pendidikan dengan Cara yang Berhemah**

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu menjadikan peribahasa sebagai medium untuk mendidik anak-anak mereka dengan kata-kata yang lebih mudah diingat agar ianya terus menjadi panduan, peraturan dan nasihat dalam kehidupan seharian (Salinah et al., 2018). Zurakintan dan Che Ibrahim (2015) menjelaskan bahawa peribahasa berperanan menyampaikan sesuatu hasrat atau pengajaran dengan kaedah yang berhikmah dan di dalamnya sarat dengan nilai budaya, ajaran agama, moral dan akhlak dan norma-norma sosial. Sebagai contoh dalam peribahasa Melayu dinyatakan dengan kata-kata ‘arang habis, besi binasa, tukang hembus penat sahaja’, yang bermaksud pekerjaan yang memerlukan tenaga yang banyak, tetapi tidak ada mempunyai apa-apa hasil. Peribahasa tersebut cuba memberi didikan kepada para pendengar bahawa sesuatu pekerjaan yang dilakukan tanpa sebarang ilmu pengetahuan akan menyebabkan hasil kerja itu tidak memuaskan. Sifat arang ialah bahan bakar yang mampu memanaskan sesuatu pada tempoh yang lama sehingga besi mudah dibengkokkan. Sekiranya kerja ini tidak dilakukan dengan serius, maka usaha ini akan sia-sia dan tidak memberi faedah, kerana arang yang digunakan terbakar akhirnya menjadi abu, besi pula akan rosak dan ia tidak lagi dapat digunakan untuk membuat senjata (Ragini, 2015). Kearifan peribahasa ada benarnya dari sudut agama, Ibnu Taimiyah (2011) menyatakan bahawa siapa yang beriman kepada Allah tanpa didasari ilmu, maka kerosakan yang ia lakukan lebih besar daripada masalah yang diperolehi.

Peribahasa Melayu mempunyai makna tersirat yang mendidik individu ke arah lebih beretika dan dalam masa yang sama membangunkan peradaban bangsa tersebut. Dalam kata lain, peribahasa Melayu mampu merangsang dan menyuburkan sifat-sifat yang murni dengan memberikan pengajaran berkaitan tentang peradaban semasa bangsa tersebut. Peribahasa Melayu merupakan budaya yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Melayu bagi memberi pengajaran tentang nilai-nilai murni secara tertib dan berhikmah kepada penggunanya. Justeru, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil (2012) menyatakan bahawa aplikasi peribahasa dalam kehidupan masyarakat Melayu, pilihan dan penggunaan ayat-ayat yang sesuai dengan aspek sosial masyarakat adalah salah satu perkara yang perlu dipertimbangkan. Pengkajian terhadap peribahasa Melayu dapat menceritakan perwatakan dan ciri-ciri orang Melayu pada masa tersebut. Mengambil kira peribahasa Melayu memaparkan karakter dan tema-tema yang pelbagai sifat, nyata sekali ianya mampu menyokong kepada ilmu-ilmu disiplin lain seperti psikologi, sejarah, bahasa, antropologi, sosiologi dan sebagainya (Syed Abdullah, 2000).

#### **4.2 Medium Pendidikan dengan Teguran secara Berhikmah**

Peribahasa ‘bagai limau masam sebelah’, dengan menggunakan bahasa yang berlapis, masyarakat Melayu melakukan teguran yang berhemah atau memberikan cadangan kepada sesuatu pihak terhadap sebarang keputusan atau hukuman yang tidak adil supaya tidak menimbulkan sebarang konflik yang terbuka dengan pihak tersebut. Peribahasa ini menjelaskan bahawa sesuatu hukuman yang tidak adil atau pertimbangan yang dilakukan adalah berat sebelah. Hukuman yang tidak adil lazimnya berlaku kerana faktor kebencian dan penyalahgunaan kuasa (*Kamus Dewan*, 2015).

Begitu juga, peribahasa “*akibat nila setitik, rosak susu sebelanga*” selalunya digunakan oleh orang yang ingin meluahkan perasaan tidak puas hati kepada pesalah yang telah menyebabkan orang lain sekali terkena tempias kepada kesalahannya. Apabila kemarahan disampaikan melalui peribahasa, maka ia akan berbunyi lebih intelektual, beradab dan tampak lebih halus. Salinah et al. (2018) menjelaskan bahawa bahasa turut berkait rapat dengan etos budaya secara berlapis dengan bahasa yang abstrak di samping mengungkap unsur budaya serta memaparkan identiti bangsa tersebut. Justeru, Selain bertindak sebagai pengawal norma bagi sesebuah masyarakat, peribahasa juga dilihat sebagai alat kritikan sosial atau protes terhadap rasa tidak puas hati (Syed Abdullah, 2000).

#### **4.3 Medium Pendidikan untuk Menyampaikan Kebenaran Agama**

Hubungan peradaban Melayu dan Islam banyak mempengaruhi jiwa mereka sehingga diinterpretasi dan diolah dalam bentuk pelbagai bidalan bahasa. Tegasnya agama Islam banyak mempengaruhi dan mengubah pandangan sarwajagat bangsa Melayu dalam memahami etos dan nilai dalam peradabannya (Siti Kausar & Mohd Noor, 2020). Adat yang diwarisi sejak turun temurun digandingkan dan diolah dengan syariat Islam agar ianya kelihatan lebih menarik. Justeru, peribahasa Melayu ‘*biar mati anak, jangan mati adat*’ menggambarkan bahawa masyarakat dahulu melarang seseorang itu daripada melanggar adat Melayu dan sebarang pelanggaran terhadap hukum adat akan menimbulkan haru-biru dalam masyarakat (*Kamus Dewan*, 2015). Namun, pemakaian hukum adat ini perlulah beralaskan kepada hukum syarak. Ini dinyatakan sebagaimana peribahasa dengan ungkapan ‘*adat memakai, syarak mengata*’ yang

menjelaskan tentang memberi pengajaran yang baik iaitu ketaatan kepada Tuhan dengan mematuhi segala suruhanNya serta meninggalkan segala laranganNya.

Selanjutnya, peribahasa ‘adat penuh ke atas, syarak penuh ke bawah’ menjelaskan bahawa adat itu boleh dilonggarkan walaupun mempunyai sebutan yang besar, manakala hukum Tuhan tidak boleh diubah-ubah dan harus dipatuhi. Peribahasa tersebut menjelaskan bahawa, sebarang adat-adat yang bercanggah dengan hukum Tuhan perlulah ditinggalkan, kerana di dalam Islam, adat sewajarnya perlu tunduk kepada hukum syarak (*Kamus Dewan*, 2015). Pengajaran daripada peribahasa itu ialah kita haruslah hanya mengamalkan adat-adat yang baik berlandaskan hukum Tuhan dan tidak melanggar hukum syarak walaupun tidak relevan dengan keadaan semasa. Selain menyampaikan pelbagai bentuk pengajaran dan adat-adat yang baik serta, peribahasa mampu meningkatkan kemampuan berfikir dan memahami maksud tersirat.

#### **4.4 Medium Pendidikan untuk Motivasi Diri**

Melakukan kerja bersungguh-sungguh merupakan amalan yang amat dituntut dalam Islam kerana ia merupakan prasyarat untuk mencapai kepada kesempurnaan (Masitah Idris et al., 2019). Ungkapan ‘alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan’ merupakan satu bentuk peribahasa yang mampu membangunkan motivasi diri seseorang ke arah menjadikannya adalah lebih baik dalam menceburi apa jua kegiatan. Peribahasa tersebut memberi motivasi kepada seseorang agar sentiasa melakukan yang terbaik dalam menyelesaikan sesuatu pekerjaan hingga memperoleh kesempurnaan di dalamnya. Peribahasa ‘berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian’ juga membawa maksud bahawa kejayaan tidak akan tercapai melainkan melalui ranjau kesusahan. Kiasan ini merujuk kepada setiap kesusahan dan kepenatan yang harus dilalui oleh seseorang individu demi mencapai kejayaan dan kesenangan dalam hidupnya (*Kamus Dewan*, 2015).

Antara peribahasa lain yang popular digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu yang berkait dengan motivasi diri ialah ‘jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya’. Peribahasa ini menjelaskan cita-cita dan keinginan tidak akan tercapai seandainya seseorang itu tidak melalui kepayahan hidup. Menurut Norleyza et al. (2020), selain berfungsi membangunkan motivasi diri, peribahasa ini bersifat sindiran bagi orang yang malas berusaha. Ekspresi sindiran yang dilalui oleh masyarakat Melayu zaman silam menceritakan bahawa individu yang ingin berjaya perlulah melakukan usaha yang bersungguh-sungguh. Ternyata, penggunaan peribahasa ini masih diwarisi hingga ke hari ini adalah kerana ungkapan kata-kata mampu memberi teladan kepada anak Melayu. Peribahasa selalunya digunakan untuk menegur orang dengan cara yang lebih berhemah dan sopan serta tidak menyebabkan orang lain “*berkecil hati*”.

#### **4.5. Medium Pendidikan untuk Mengajak Manusia kepada Muafakat Hidup**

Peranan peribahasa bukan sahaja membangunkan motivasi diri masyarakat Melayu bahkan mengajak setiap ahlinya kepada hidup bermuafakat melalui amalan tolak ansur, hormat-menghormati, bertimbang rasa dan sabar. Peribahasa ‘bersatu kita teguh, bercerai kita roboh’ merupakan kata-kata kiasan yang dikaitkan dengan perpaduan akan terhasil sekiranya masyarakat bersatu teguh. Perpaduan mampu terjalin dalam sesuatu peradaban sekiranya semua ahli masyarakat bersatu tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit, manakala perpecahan mampu terjadi sekiranya masyarakat ini lemah dalam nilai nilai kemufakatan yang selanjutnya

membuka kepada anasir-anasir luar mengambil kesempatan. Peribahasa sebegini sebenarnya menggambarkan dimensi hakikat sebenarnya masyarakat Melayu yang lebih bersikap terbuka, mudah didekati dan tidak memiliki semangat kekitaan yang keterlaluan (Wan Norhasniah & Haslina, 2018). Ini jugalah yang dinyatakan oleh firman Allah dalam Surah Al-Maidah 5:2 yang bermaksud:

*“dan jangan sesekali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari masjid Al-Haram itu mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”.*

Sememangnya keprihatinan sesama ummah hanya akan terlahir sekiranya masyarakat berkongsi susah dan senang bersama. Selanjutnya, ungkapan peribahasa ‘duduk seorang bersempit-sempit, duduk banyak berlapang-lapang’ membawa makna buah fikiran atau idea yang terhasil daripada perbincangan beramai-ramai adalah lebih baik daripada buah fikiran seorang sahaja. Peribahasa yang berbentuk kiasan ini mengisahkan bahawa pertolongan dan buah fikiran yang banyak akan membawa kepada kesenangan dalam menyelesaikan sesuatu pekerjaan. Begitu juga, peribahasa ‘duduk sama rendah, berdiri sama tinggi’ membawa maksud sama taraf dan tiada diskriminasi daripada segi pangkat dan kedudukan. Peribahasa ini sering diungkapkan orang dahulu kala dalam mencapai kata sepakat. Ia mengajarkan kita tentang amalan kehidupan masyarakat yang perlu diselitkan bersama nilai duduk sama rendah, berdiri sama tinggi bagi mengukuhkan lagi tali perpaduan antara satu sama lain. Sikap bertolak ansur dan hormat-menghormati akan tetap teguh berdiri dalam orang Melayu sekiranya hak mereka tidak digugat secara berlebihan (Wan Norhasniah & Haslina, 2018). Kesamarataan dapat dicapai sekiranya setiap individu menolak tepi kedudukan dan pangkat mereka dan menghormati hak masyarakat lain.

Jelaslah peribahasa di atas memainkan peranan dalam memupuk semangat perpaduan dan permufakatan. Peribahasa mampu meniupkan semangat perpaduan yang utuh, misalnya perbincangan masyarakat Melayu menghasilkan satu resolusi yang menolak dan merencatkan pembentukan Malayan Union (1946), malah mereka berjaya membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan kuasa British. Sejarah telah membuktikan nilai-nilai yang menjadi etos orang Melayu pada zaman dahulu sangat disenangi para pedagang, sekali gus memudahkan perkongsian budaya di Tanah Melayu. Peradaban Orang Melayu telah dipelihara melalui nilai-nilai seperti bertolak ansur dan hormat-menghormati, sehingga mampu diwarisi ke hari ini. Berkait dengan ini Shaiful (2019) menyatakan peribahasa masih boleh dijadikan alat untuk mendisiplinkan bangsa memandangkan ia merupakan alat kawalan sosial biarpun masyarakat kontemporari hari ini berada dalam kehidupan yang serba maju, pantas, terkini dan canggih. Ini menjadikan keberterusan dan kerukunan kehidupan bangsa dapat dikekalkan bagi mengelak retak menjadi belah.

#### **4.6. Manifestasi Rasa Cinta Terhadap Tradisi Bangsa**

Sememang mencipta, mengolah dan mengumpul peribahasa bukan dalam masa singkat atau secara mendadak. Kesusasteraan lisan ini diwarisi dari satu generasi ke satu generasi dan di kumpul sejak zaman-berzaman. Pada hari ini mungkin kita agak jarang mendengar peribahasa diungkap dengan spontan dalam kehidupan harian, namun kecaknaan terhadap peribahasa setidaknya mampu mempertahankan jangka hayatnya kepada generasi yang berikutnya. Tegasnya peribahasa mampu hidup dan bertahan lama dan dalam masa yang sama ia menjadi



kebanggaan bangsa (Syed Abdullah, 2000). Ungkapan beberapa rangkap, peribahasa mampu mencerminkan akal budi dan budaya berbahasa bangsa Melayu, serta hasil interpretasi bangsa tersebut terhadap alam sekeliling. Justeru itu, peribahasa Melayu ini harus dipupuk sejak kecil dan dijaga dalam diri masing-masing agar nilai yang terkandung dalam peribahasa Melayu dapat dijaga dengan baik hingga akhir zaman.

Peribahasa Melayu ini seharusnya dikembangkan lagi agar generasi yang muda dan baharu mengetahui nilai setiap perkataan yang dituturkan. Peribahasa ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’ membawa maksud peribahasa merupakan warisan budaya pemikiran orang Melayu yang tidak akan luput ditelan zaman. Oleh itu, ianya masih dianggap relevan digunakan pada masa kini kerana peribahasa itu sendiri mengandungi nilai-nilai dan norma kehidupan orang Melayu bagi mengangkat etos dan peradaban bangsa.


## **5. Cabaran Melestarikan Peribahasa**

Ungkapan peribahasa Melayu ‘membaca jambatan ilmu’ menjelaskan bahawa ilmu perngetahuan itu dapat dipertingkatkan melalui pembacaan (*Kamus Dewan*, 2015). Rasa cinta dan penghayatan terhadap peribahasa dikaitkan dengan budaya kurangnya melakukan pembacaan dan pengkajian terhadap peninggalan khazanah ini. Manakala pembelajaran peribahasa di sekolah atau Institusi Pengajian Tinggi (IPT) hanya sekadar bermatlamat mendapatkan keputusan yang terbaik dalam pencapaian akademik. Siti Humairah Abdul Rahaman dan Nora Azian Nahar (2020) menyatakan bahawa ramai anak murid mengingati peribahasa tanpa memahami dan mengetahui konteks atau kaedah menggunakannya. Justeru, apabila penjiwaan terhadap kesusasteraan ini sudah lemah maka dari segi praktisnya juga akan menjadi lemah dan lambat laun akan menjadi suatu yang janggal digunakan.

Meniti alaf 21, penggunaan bahasa Inggeris yang lebih meluas sama ada dalam sektor pendidikan, persekitaran dan pertuturan harian sedikit sebanyak menghakis peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa rojak yang diselangi bahasa Melayu dan Inggeris, melambangkan kurangnya semangat cinta terhadap bahasa Melayu dan khazanahnya. Penggunaan bahasa seperti ini sangat kerap dapat didengari di mana-mana sahaja termasuklah di radio dan televisyen (Mohd Rashid Hj. Md Idris, 2013). Jika di teliti, penggunaan bahasa-bahasa rojak di kaca televisyen telah menjadi ikutan setiap kanak-kanak walhal mereka merupakan kelompok yang mewarisi pusaka bangsa yang seterusnya. Sikap sesetengah majikan yang menolak penggunaan bahasa Melayu memberikan impak yang besar kepada kelestarian etos dan peradaban bangsa. Desakan kepada keperluan yang sedemikian, ada sesetengah orang pada masa kini yang memilih untuk bercakap menggunakan bahasa Inggeris dan mengurangkan penggunaan bahasa Melayu yang sedikit sebanyak meluntur keaslian kepenggunaan bahasa tersebut.

Peredaran zaman dan penggunaan gajet komunikasi sedikit sebanyak telah membawa perubahan terhadap penggunaan peribahasa. Antaranya peribahasa yang kerap digunakan dalam *facebook* misalnya ‘siapa yang makan cili, dia terasa pedas’ diubah kepada ‘siapa makan cili, dia sentap’. Penggunaan leksikal pedas kepada sentap dikaitkan dengan perubahan kehidupan sosial yang berlaku pada hari ini. Secara keseluruhannya, citra dan cabaran peribahasa Melayu dalam melestarikan etos dan peradaban Melayu adalah sebagaimana berikut:

Rajah 1: Citra Dan Cabaran Peribahasa Melayu Dalam Melestarikan Etos Dan Peradaban Melayu



## 6. Kesimpulan

Peribahasa merupakan khazanah tradisi lisan warisan budaya bangsa yang begitu mahal nilai dan harganya. Walaupun ia hanyalah secebis daripada warisan tersebut, citra peribahasa dalam membentuk dan membina akal budi dan etos bangsa bukanlah sedikit. Peribahasa merupakan salah satu khazanah dalam bentuk bahasa boleh dan sentiasa relevan diguna pakai dalam komunikasi seharian sebagai medium pendidikan, memberi teguran berhikmah, menyampaikan ajaran atau kebenaran agama Islam, sebagai instrumen motivasi diri, mengajak ahli masyarakat untuk hidup bermuafakat dan sebagai satu cara memanifestasikan rasa cinta terhadap tradisi bangsa. Faktor kurang pembacaan dan pengkajian terhadap peribahasa, penggunaan bahasa rojak yang berleluasa dan perubahan sosial merupakan cabaran dalam melestarikan etos dan peradaban Melayu ini khususnya dalam kalangan generasi muda hari ini. Justeru, peredaran zaman dan kesan persekitaran, sewajarnya tidak menjejaskan penggunaan peribahasa dalam kalangan masyarakat kini walaupun adanya teknologi-teknologi moden,

seperti media sosial, capaian internet, dan lain-lain kerana peribahasa lebih mudah dikembangkan kepada semua generasi masyarakat.

Sekiranya bilangan masyarakat yang menggunakan peribahasa dalam kehidupan harian mereka ramai, maka peribahasa tidak akan luput ditelan zaman. Peribahasa yang diturunkan oleh masyarakat melayu pada masa dahulu perlu dihayati dan diguna pakai kepada generasi seterusnya agar dapat mengukuhkan etos dan peradaban bangsa. Nilai estetika yang ada pada peribahasa itu menjadi tunjang utama kepada identiti kita.

## **Rujukan**

- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). Warisan Budaya Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban* 9, 1-10.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. (2014). *Ihya Ulumuddin*. (Editor oleh Hasmah Ali). Ipoh: Penerbit Bukubuku.
- Cheu Hock Tong. (1963). *Malay Idioms*. Singapore: World Book Co.
- Ding Choo Ming. (2009). Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2), 3-26.
- Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil. (2012). Peribahasa Cerminan Budi Bahasa Dan Budaya Bangsa Melayu. *Issues in Language Studies* 1(1). 34-37.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* 16(1), 94-119.
- Ibnu Taimiyah, Syaikhul Islam. (2011). *Majmu' Al Fatawa*. Ed. Amir al-Jazzar & Anwar al-Baz. Dar Ibn Hazm & Dar al-Wafa: Beirut.
- Kamus Dewan*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa, Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik* 2(5), 1-20.
- Masitah Idris, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Nozira Salleh. 2019. Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam. *International Journal of Islamic Thought* v.15, 60-70.
- Mohamad Azmi Nias Ahmad, Mohd Aripin Amat, Azizi Hashim, Ahmad Mazlan Ahmad Shamshudin. (2015). Perbandingan antara Peribahasa Melayu dan Peribahasa Cina Mengikut Pengalaman Bangsa di Tanah Melayu. *KONAKA*. 94-99.
- Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2017). Penguasaan Peribahasa dan Makna Menggunakan Pisatum: Satu Kajian Tindakan. *Seminar Antarabangsa Pedagogi Kali Ke-8 (PEDA8)*, Vol 8. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Mohd Mahadee Ismail, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Zaini Othman, Marzudi Md Yunus & Hairol Anuar Mak Din. 2021. Pembentukan Etos Nasional Belia Malaysia: Wadah Pembinaan Negara-Bangsa. *Akademika* 9(1). 3-14.
- Mohd Rashid Hj. Md. Idris. (2013). *Memartabatkan Bahasa Melayu Melalui Pendidikan dan Mendepani Cabaran Globalisasi*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Nik Radhiah Nik Ali & Kamarul Shukri Mat Teh. 2020. Peribahasa dalam Kesusasteraan Arab dan Persamaannya dengan Peribahasa Melayu. *International Social Science and Humanities Journal* 3(2), 110-125.
- Noor Syafiqah Ahamadi Palah & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2018). Gambaran Sikap Positif Masyarakat Melayu dan Arab Melalui Peribahasa. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(76), 65-76.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 10 (Edisi Khas), 158-172.
- Norleyza Jailani, Cindy Tan Shing Ning, Rodziah Latih, Amirah Ismail, Zurina Muda, Marini Abu Bakar, Azmin Sham Rambely, Maslida Yusof dan Norhayati Md Yatim. (2020). Reka Bentuk Aplikasi Multimedia Berasaskan Kinect Untuk Pembelajaran Peribahasa Melayu. *ADRAN Journal of Teaching & Learning of Higher Education* 12(2), 152-176.
- Ragini, A., Ragavan, Che, D., Haji, I., Fakulti, S., Moden, B., & Komunikasi, D. (2015). Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari Aspek Sosial (Social Aspects in Malay and Tamil Proverbs. *Journal of Business and Social Development* 3(1), 66–75.
- Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani dan Rohaidah Haron. (2018). Perubahan Fungsi dan Makna Peribahasa dalam Laman. *Malaysian Journal of Communication*, 354-373.

- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2019). Kebiasaan Peribahasa Melayu dalam Komunikasi. *Akademika* 89 (Special Issue), 139-149.
- Siti Humairah Abdul Rahaman, & Nora Azian Nahar. (2020). Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh. *International Young Scholars Journal of Languages*. 1-8.
- Siti Kausar Zakaria dan Mohd Noor Daud. (2020). Pandangan Sarwa Etika dan Nilai Peradaban Melayu Berdasarkan Pantangan Anak Melayu dan Teras Hati Budi Melayu. *International Journal of Social Science Research* 2 (3), 100-111.
- Syed Abdullah bin Syed Sulaiman. (2000). *Tradisi Lisan: Satu Penilaian Semula*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan.
- Wan Norhasniah Wan Husin, Haslina Ibrahim. 2018. The Concept of Muhibah in Nation-Building in Malaysia: the Challenges and Prospects. *International Journal of Engineering & Technology* 7 (3), 415-419.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Selangor: Penerbit UPM
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2015). "Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional." *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 121-129.